

15 MAY 2000

Mahathir-Cabaran

DR MAHATHIR INGATKAN BELIA MENGENAI CABARAN AKAN DATANG

KUANTAN, 15 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta golongan belia supaya berhati-hati dengan idea baru yang dibawa penjajah yang pernah menakluki negara ini kerana mereka tidak akan menolak sama sekali peluang untuk berkuasa semula.

Perdana Menteri berkata penjajah akan menggunakan kuasa ekonomi untuk menjajah semula sekiranya idea-idea baru yang mereka bawa, terutamanya yang berkaitan globalisasi, dunia tanpa sempadan dan kebebasan modal melintasi batas tidak difahami, dijaga atau dikawal.

"Jika negara menjadi miskin dan terpaksa berhutang dengan mereka, mereka akan mengenakan syarat supaya segala urusan ekonomi diserahkan kepada mereka dan kemudiannya mereka akan campur tangan dalam kuasa politik pula," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian dalam sesi temubual yang dikendalikan oleh pengacara Afdlin Shauki sempena Perhimpunan Hari Belia Negara 2000 di Stadium Tertutup SUKPA di sini.

"Inilah cabaran yang dihadapi belia yang akan menjadi dewasa kerana setiap satu yang dicipta dan diubah oleh penjajah itu adalah untuk kebaikan mereka juga," kata beliau.

Dalam temubual itu, Dr Mahathir dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali antara lain menceritakan tentang zaman remaja mereka dan perjuangan belia di dalam menuntut kemerdekaan.

Dr Mahathir turut mengimbas kembali tugas-tugas yang beliau lakukan bersama rakan-rakan sebaya mencetak poster menentang British dengan menggunakan ubi kentang yang diukir dengan huruf-huruf dan dicetak ke atas kertas menggunakan dakwat Cina.

Mengenai masa rehatnya, beliau berkata sekiranya beliau terlalu banyak berehat mungkin banyak perkara yang tidak dapat diselesaikan semasa hayatnya.

"Saya berpendapat masa saya dah tak banyak, saya perlu gunakan sepenuhnya untuk buat apa yang perlu dibuat dan mampu dibuat oleh saya, kalau saya terlalu banyak berehat, mungkin banyak yang tak dapat diselesaikan semasa hayat saya," katanya.

-- BERNAMA

TM AKD